

**KATA KERJA *THULĀTHĪ MAZĪD* DAN
PERUBAHAN SEMANTIK:SATU KAJIAN
DALAM JUZUK PERTAMA SURAH
*AL-BAQARAH***



FOUZAI BIN YUSOF

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

**KATA KERJA *THULĀTHĪ MAZĪD* DAN
PERUBAHAN SEMANTIK: SATU KAJIAN
DALAM JUZUK PERTAMA SURAH
*AL-BAQARAH***



FOUZAI BIN YUSOF

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA SAINS SOSIAL**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2017**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **KATA KERJA THULĀTHĪ MAZĪD DAN PERUBAHAN SEMANTIK: SATU KAJIAN DALAM JUZUK PERTAMA SURAH AL-BAQARAH**

IJAZAH: **SARJANA SAINS SOSIAL (PENGAJIAN ISLAM)**

Saya **FOUZAI BIN YUSOF** Sesi Pengajian **2011-2017**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Univesiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

/


TIDAK TERHAD


FOUZAI BIN YUSOF
PX20118237

Disahkan oleh,
NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


(Tandatangan Pustakawan)


Tarikh: 02 Ogos 2017


(Prof. Madya Dr. Saini bin Ag. Damit)
Penyelia

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

15 Mei 2017



Fouzai Bin Yusof
PX20118237



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : FOUZAI BIN YUSOF
NO MATRIK : PX20118237
TAJUK : KATA KERJA *THULĀTHĪ MAZĪD* DAN PERUBAHAN
SEMANTIK: SATU KAJIAN DALAM JUZUK PERTAMA
SURAH *AL-BAQARAH*
IJAZAH : SARJANA SAINS SOSIAL (PENGAJIAN ISLAM)
TARIKH VIVA : 16 MAC 2017

Disahkan Oleh;

1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Saini bin Ag. Damit

Tandatangan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur dipanjatkan kehadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat kurnia-Nya akhirnya saya telah dapat menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga secara amnya kepada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti pengajian dan menjalankan penyelidikan, dan khasnya kepada penyelia saya yang tidak jemu-jemu memberi dorongan iaitu Prof. Madya Dr. Saini bin Ag. Damit (Penyelia Utama) dan Prof. Madya Dr. Ahmad Tarmizi bin Abdul Rahman (Penyelia Bersama) di atas kesediaan memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menjalankan dan menyiapkan kajian ini. Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang memberikan kemudahan cuti selama 30 hari setahun dalam meneruskan pengajian dan juga Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah memberikan saya sumber kewangan.

Salam sayang khas buat isteri yang dikasihi, Puan Sapira binti Samat dan anak-anak saya Syadeey dan Syakeeb kerana banyak berkorban, banyak memahami dan sentiasa mendoakan saya. Kehadiran Fushā memberi semangat untuk saya meneruskan langkah ini. Teristimewa buat ibunda, Zainab binti Abdul Kadir dan ayahanda, Yusof bin Deraman @ Abd. Rahman yang banyak memberi sokongan moral dan sentiasa mendoakan kejayaan hidup ini. Begitu juga datuk, Abdul Kadir bin Hamad dan nenek, Wan Yah binti Wan Hamad sentiasa mengambil berat tentang diri saya. Semoga roh kalian ditempatkan bersama para salihin. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi motivasi, informasi dan pendapat yang membina dalam menyiapkan tesis ini. Diharapkan kita semua beroleh kejayaan di masa hadapan dan mendapat ganjaran pahala yang berpanjangan daripada Allah SWT.

...فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ ... ﴿١٧﴾

Terjemahan: ...Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia maka ia tetap tinggal di bumi...

(Surah: *al-Ra'd*: 17)

Fouzai Bin Yusof
15 Mei 2017

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sebelas bentuk kata bagi kata kerja imbuhan triliterasi (*fi'l thulāthī mazīd*) melalui imbuhan satu partikel, dua partikel dan tiga partikel. Kajian ini juga untuk melihat perubahan semantik yang terbentuk daripada bentuk kata tersebut. Selain itu, perubahan semantik *thulāthī mazīd* yang difokuskan pada surah *al-Baqarah*; ayat 1-141 dengan menjelaskan sebab-sebab perubahan berlaku juga dilihat. Perubahan semantik berlaku adalah hasil daripada imbuhan partikel ke atas kata kerja akar dengan bentuk kata tertentu seperti kata kerja tak transitif (lāzim) kepada kata kerja transitif (*muta'addī*). Kajian ini dijalankan melalui metode kualitatif, iaitu kajian kepustakaan dengan analisis data, pengumpulan data berasaskan kepada rujukan ilmu saraf, kitab-kitab tafsir dan rujukan berkaitan. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa lapan daripada 11 bentuk kata sahaja yang digunakan pada juzuk pertama ayat 1-141. Sebanyak 213 data *fi'l thulāthī mazīd* dikutip sebagai mewakili lapan bentuk kata tersebut. Kata kerja imbuhan dengan bentuk kata *af'ala* mendominasi secara keseluruhan sebanyak 107 perkataan, manakala bentuk kata *infa'ala* hanya satu tempat sahaja dalam juzuk pertama surah *al-Baqarah*. Melalui kajian ini juga menyentuh aspek kekerapan penggunaan *fi'l thulāthī mazīd* berdasarkan kepada kata akar, hasil kajian ini membuktikan bahawa bentuk kata *af'ala* melalui kata akar *āmana* adalah majoriti frekuensi digunakan. Imbuhan mampu menjana perubahan semantik hasil daripada perubahan bentuk kata dan menterjemahkan maksud sebenar yang hendak disampaikan. Secara lazimnya sifat bahasa sentiasa berkembang dan dinamis kerana wujudnya makna baharu yang dibentuk daripada kata akar.

ABSTRACT

THE TRILATERATION VERB (FI'L THULĀTHĪ MAZĪD) AND THE CHANGES IN SEMANTICS: THE STUDY FOCUSED ON SURAH AL-BAQARAH; VERSE 1-141

This study is to investigate the 11 sentence patterns for trilateration verb (thulāthī mazīd) through affix one particle, two particles and three particles. It is also to see the change in semantics that formed from the word pattern. In addition, changes in semantic thulāthī mazīd that focused on surah al-Baqarah; verse 1-141 which explains on the reasons for the change occurred is also seen. Semantic changes occurred due to the affix of the particles on the root with the word pattern such as intransitive verb (lāzim) to the transitive verb (muta'addī). This study is carried out using the qualitative method, which is literature study with data analysis, data collection with reference to morphology, tafseers and related references. The finding shows that eight out of eleven word patterns only applied to the first juzuk verse 1-141. A total of 213 thulāthī mazīd verb datas were collected to represent the eight word patterns. Affix verb with af'ala word pattern dominated the overall of 107 words, meanwhile infa'ala word pattern found only at one place in the first verse of surah al-Baqarah. Through this study, it also touched the aspects of frequency of using thulāthī mazīd verb based on the root word. The study proves that af'ala word pattern via root āmana are the majority of frequently used words. Affix can generate semantic changes as a result of changes in patterns of words and translate the meaning to be conveyed. Naturally, language is always evolving and dynamic due to the existence of new meaning formed from the root word.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
TRANSLITERASI ARAB-RUMI	xv

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Kepentingan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	7
1.5	Soalan Kajian	7
1.6	Batasan Kajian	8
1.7	Metodologi Kajian	8
1.7.1	Penentuan Subjek	9
1.7.2	Pengumpulan Data	10
1.7.3	Analisis Data	11
1.8	Definisi Tajuk	12
1.9	Tinjauan Kajian	13
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.11	Kesimpulan	21

BAB 2: FI'L THULATHI MAZID (KATA KERJA IMBUHAN TRILITERASI)

2.1	Pengenalan	23
2.2	Kata Kerja Imbuhan Triliterasi (<i>Fi'l Thulathī Mazīd</i>)	25
2.2.1	Konsep Kata Kerja <i>Thulathī Mazīd</i>	25
2.3	Kaedah Reka Bentuk <i>Wazan</i> (Bentuk Kata)	28
2.4	<i>Muta'addī</i> dan <i>Lāzim</i>	30
2.5	Bentuk Kata Kerja <i>Thulathī Mazīd</i>	33
2.5.1	Imbuhan <i>Thulathī Mazīd</i> Satu Partikel	35
2.5.2	Imbuhan <i>Thulathī Mazīd</i> Dua Partikel	52
2.5.3	Imbuhan <i>Thulathī Mazīd</i> Tiga Partikel	65
2.6	Kesimpulan	75

BAB 3: SEMANTIK DAN PENGENALAN SURAH AL-BAQARAH

3.1	Pengenalan	77
3.2	Semantik	78
3.2.1	Peringkat <i>al-Dalālah</i>	80
3.2.2	Semantik Sarjana Tradisional Arab	85
3.2.3	Teori Semantik Arab	88
3.2.4	Kajian Semantik Moden	90
3.2.5	Teori Semantik	92
3.3	Surah <i>al-Baqarah</i>	97
3.3.1	Sebab dinamakan surah <i>al-Baqarah</i>	99
3.3.2	Kelebihan	100

BAB 4 : ANALISIS FI'L THULĀTHĪ MAZĪD DALAM SEMANTIK AL-QURAN(JUZUK PERTAMA SURAH AL-BAQARAH)

4.1	Pengenalan	105
4.2	Taburan bentuk kata <i>fi'l thulāthī mazīd</i>	106
4.3	Taburan analisis semantik berdasarkan kategori	108
4.3.1	Analisis semantik bentuk kata kategori satu partikel	108
4.3.2	Analisis semantik bentuk kata kategori dua partikel	154
4.3.3	Semantik bentuk kata kategori tiga partikel	173

4.4	Analisis bandingan kekerapan bentuk kata pada kata akar yang sama.	180
4.4.1	Bentuk kata <i>af'ala</i>	181
4.4.2	Bentuk kata <i>fa'a'ala</i>	189
4.4.3	Bentuk kata <i>Ifta'ala</i>	191
4.4.4	Bentuk kata <i>tafa'a'ala</i>	193
4.5	Kesimpulan	197

BAB 5 : RUMUSAN DAN PENUTUP

5.1	Pengenalan	198
5.2	Rumusan Kajian	198
5.3	Kesimpulan	205

RUJUKAN	206
----------------	-----

LAMPIRAN	221
-----------------	-----



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1: Kedudukan bentuk kata <i>thulāthī mujarrad</i>	26
Jadual 2.2: Kedudukan bentuk kata dan partikel	30
Jadual 2.3: Kategori <i>thulāthī mazīd</i> satu partikel	34
Jadual 2.4: Kategori <i>thulāthī mazīd</i> dua partikel	34
Jadual 2.5: Kategori <i>thulāthī mazīd</i> tiga partikel	34
Jadual 2.6: Semantik bentuk kata <i>aʿala yufʿilu</i>	36
Jadual 2.7: Semantik bentuk kata <i>faʿaʿala yufaʿaʿilu</i>	44
Jadual 2.8: Semantik bentuk kata <i>fāʿala yufāʿilu</i>	50
Jadual 2.9: Semantik bentuk kata <i>tafaʿaʿala yatafaʿaʿalu</i>	53
Jadual 2.10: Semantik bentuk kata <i>tafāʿala yatafāʿalu</i>	56
Jadual 2.11: Semantik bentuk kata <i>iftaʿala yaftaʿilu</i>	59
Jadual 2.12: Semantik bentuk kata <i>istafʿala yastafʿilu</i>	66
Jadual 2.13: Semantik bentuk kata <i>ifʿauʿala yafʿauʿilu</i>	70
Jadual 2.14: Semantik bentuk kata <i>ifʿalla</i>	72
Jadual 2.15: Semantik bentuk kata <i>ifʿawalla</i>	74
Jadual 4.1: Pecahan <i>fiʿl thulāthī mazīd</i> ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	105
Jadual 4.2: Taburan data dan analisis semantikn kategori satu partikel	107
Jadual 4.4: Taburan data dan analisis semantik dua partikel	107
Jadual 4.5: Taburan data dan analisis semantik tiga partikel	108
Jadual 4.6: Taburan semantik bentuk kata <i>aʿala</i> ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	109
Jadual 4.7: Semantik bentuk kata <i>faʿaʿala</i> keseluruhan ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	133
Jadual 4.8: Semantik bentuk kata <i>faʿaʿala</i> keseluruhan ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	148
Jadual 4.9: Semantik bentuk kata <i>iftaʿala</i> ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	155

Jadual 4.10:	Semantik bentuk kata <i>tafa'a'ala</i> keseluruhan ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	164
Jadual 4.11:	Bentuk kata <i>tafa'a'ala</i> keseluruhan ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	169
Jadual 4.12:	Bentuk kata <i>infa'ala</i> ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	172
Jadual 4.13:	Taburan semantik bentuk kata <i>istafa'ala</i> ayat 1-141 surah <i>al-Baqarah</i>	174
Jadual 4.14:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar yang sama <i>āmana</i>	182
Jadual 4.15:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>nazala</i>	184
Jadual 4.16:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>ataya</i>	185
Jadual 4.17:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>qāma</i>	186
Jadual 4.18:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>salima</i>	186
Jadual 4.19:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>kharaja</i>	187
Jadual 4.20:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>ḥayiya</i>	187
Jadual 4.21:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>yaqina</i>	188
Jadual 4.22:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>afsada</i>	188
Jadual 4.23:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>naba'a</i>	188
Jadual 4.24:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>ḍawā</i>	189
Jadual 4.25:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>af'ala</i> daripada kata akar <i>na'ima</i>	189
Jadual 4.26:	Kekerapan bentuk kata <i>fa'a'ala</i> daripada kata akar <i>nazala</i>	189

Jadual 4.27:	Kekerapan bentuk kata <i>fā'a'ala</i> daripada kata akar <i>'alima</i>	190
Jadual 4.28:	Kekerapan bentuk kata <i>fā'a'ala</i> daripada kata akar <i>bayana</i>	190
Jadual 4.29:	Kekerapan bentuk kata <i>fā'a'ala</i> daripada kata akar <i>manā</i>	191
Jadual 4.30:	Kekerapan bentuk kata <i>ifta'ala</i> daripada kata akar <i>akhadha</i>	191
Jadual 4.31:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>ifta'ala</i> daripada kata akar <i>sharā</i>	192
Jadual 4.32:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>ifta'ala</i> daripada kata akar <i>ṣafā</i>	192
Jadual 4.33:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>ifta'ala</i> daripada kata akar <i>hadā</i>	193
Jadual 4.34:	Taburan kekerapan bentuk kata <i>tafa'a'ala</i> daripada kata akar <i>waliya</i>	193
Jadual 4.35:	Taburan data semantik bentuk kata <i>a'ala yuf'ilu</i>	195
Jadual 4.36:	Taburan data semantik bentuk kata <i>fā'a'ala yufa'a'ilu</i>	195
Jadual 4.37:	Taburan data semantik bentuk kata <i>fā'ala yufā'ilu</i>	195
Jadual 4.38:	Taburan data semantik bentuk kata <i>ifta'ala yafta'ilu</i>	196
Jadual 4.39:	Taburan data semantik bentuk kata <i>tafa'a'ala yatafa'a'alu</i>	196
Jadual 4.40:	Taburan data semantik bentuk kata <i>tafā'ala yatafā'alu</i>	196
Jadual 4.41:	Taburan data semantik bentuk kata <i>infa'ala yanfa'ilu</i>	196
Jadual 4.42:	Taburan data semantik bentuk kata <i>istaf'ala yastaf'ilu</i>	197

SENARAI RAJAH


	Halaman
Rajah 1.1: Metodologi Kajian	9
Rajah 1.2: Kerangka Konseptul Kajian	20
Rajah 2.1: Contoh derivasi daripada kata akar bahasa Arab	24



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

Jld	-	Jilid
R.a	-	Raddiallah anhu
SAW	-	Şallallahu `alaihiwasallam
SWT	-	Subhanahuwa taala
a.s	-	Alaihissalam
Et. al	-	Dan pengarang-pengarang lain
H	-	Hijrah
HR	-	Hadis riwayat
M	-	Masehi
Sdn Bhd	-	Sendirian Berhad
T.pt	-	Tiada penerbit
T.th	-	Tiada tahun
T.tp	-	Tiada tempat
Trj.	-	Terjemahan
W	-	wafat



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

TRANSLITERASI ARAB-RUMI

Panduan transliterasi ini mengikut kaedah transliterasi Arab-Rumi
GAYA Dewan Edisi Ketiga 2005

Abjad	Sebutan Arab	Transliterasi Rumi
ا	<i>alif</i>	<i>a</i>
ب	<i>bā'</i>	<i>b</i>
ت	<i>tā'</i>	<i>t</i>
ث	<i>thā'</i>	<i>th</i>
ج	<i>jīm</i>	<i>j</i>
ح	<i>ḥā'</i>	<i>ḥ</i>
خ	<i>khā'</i>	<i>kh</i>
د	<i>dāl</i>	<i>d</i>
ذ	<i>dhāl</i>	<i>dh</i>
ر	<i>rā'</i>	<i>r</i>
ز	<i>zāy</i>	<i>z</i>
س	<i>sīn</i>	<i>s</i>
ش	<i>shīn</i>	<i>sh</i>
ص	<i>ṣād</i>	<i>ṣ</i>
ض	<i>ḍād</i>	<i>ḍ</i>
ط	<i>ṭā'</i>	<i>ṭ</i>
ظ	<i>ẓā'</i>	<i>ẓ</i>
ع	<i>'ayn</i>	<i>'</i>
غ	<i>ghayn</i>	<i>gh</i>

ف	<i>fā'</i>	<i>f</i>
ق	<i>qāf</i>	<i>q</i>
ك	<i>kāf</i>	<i>k</i>
ل	<i>lām</i>	<i>l</i>
م	<i>mīm</i>	<i>m</i>
ن	<i>nūn</i>	<i>n</i>
و	<i>wāw</i>	<i>w</i>
هـ	<i>hā'</i>	<i>h</i>
ي	<i>yā'</i>	<i>y</i>
ء	<i>hamzah</i>	'
	<i>tā' marbūṭah</i>	
ة		h (ketika matikan bunyinya) t (ketika perlu hidupkan bunyinya)
Vokal Pendek	ـَ	<i>a</i>
	ـِ	<i>i</i>
	ـُ	<i>u</i>
(Vokal Panjang) مَدّ	اَ	<i>ā</i>
	يَ	<i>ī</i>
	وُ	<i>ū</i>
(Diftong) مَدْلَيْن	أَيّ	<i>ay</i>
	أَوْ	<i>aw</i>
(Tanda sabdu) تَشْدِيد	يَّ	<i>yy</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tidak dapat diragui lagi bahawa al-Qur'an merupakan *kalamullah* penuh dengan mukjizat dan keagungan *hissy* dan *ma'nawy* dianggap sumber kajian nahu yang paling penting dan yang paling sahih sampai kepada kita sehingga ke hari ini. Oleh itu, al-Qur'an sering menjadi tumpuan kajian dan penyelidikan. Bahasa al-Quran merupakan *uslub* yang paling fasih dan tidak dapat ditandingi oleh mana-mana bahasa di dunia. Buktinya banyak hasil karya yang telah dilaksanakan oleh cendekiawan Islam mahupun orientalis Barat perihal gaya bahasa dan struktur ayat-ayat al-Quran, Firman Allah Taala:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿١٠٣﴾

Terjemahannya: '*Sesungguhnya kami menurunkan kitab ini sebagai al-Qur'an yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya*".

(Surah: Yūsof : 2)

Firman-Nya lagi :

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَٰذَا الْقُرْآنِ مِن كُلِّ مَثَلٍ لَّعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿١٠٤﴾

Terjemahannya: "*Demi sesungguhnya! Kami mengemukakan kepada umat manusia berbagai misal perbandingan dalam al-Quran ini, supaya mereka mengambil peringatan dan pengajaran*".

(Surah: al-Zumar. 27)

Dan firman Allah berbunyi:-

وَلَقَدْ تَعَلَّمَ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِّسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٍّ وَهَٰذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ ١٠٣

Terjemahan: "Dan demi sesungguhnya kami mengetahui, bahawa mereka yang musyrik itu berkata:" sebenarnya dia diajar oleh seorang manusia"(padahal) bahasa orang yang mereka sandarkan tuduhan kepadanya itu ialah bahasa asing, sedang al-Quran ini berbahasa Arab yang fasih nyata".

(Surah: *al-Naḥl*: 103)

Namun demikian, seperti yang diketahui bahasa Arab yang terdapat di dalam al-Qur'an adalah begitu unggul dan murni dalam kalangan bangsa Arab sendiri, apatah lagi di kalangan orang bukan Arab (Sery, 2002: 17). Sementara menurut Osman Khalid (1994: 50-54) bahawa bahasa Arab mempunyai beberapa banyak keistimewaan yang agak menonjol antaranya termasuklah bahasa yang kuat dan ringkas, bahasa *i'rāb* iaitu perubahan baris membawa kepada perubahan makna, banyak *ishtiqaq* (derivasi) iaitu dapat dipecah dan dibentuk kepada beberapa perkataan daripada satu kata akar.

Al-Qur'ān al-Karīm mempunyai fungsi yang amat penting dalam hal ehwal Islam dan muslimin sebagai petunjuk syariat, bagaikan menara menyinari struktur *balāghah* (retorik) bahasa Arab, malah merupakan sumber suci inspirasi falsafah sama ada spiritual dan fizikal. Ringkasnya al-Quran adalah pembimbing manusia dalam urusan kehidupan dan pelbagai urusan sosial. Tidak keterlaluan, *al-Qur'ān al-Karīm* menjadi tumpuan sejak dulu lagi, ekoran daripada itu munculnya pelbagai karya berkaitan dengan tafsir, *balāghah*, bahasa dan *i'rāb*nya. Sehingga munculnya pelbagai jenis karya berkaitan dengan al-Qur'an (al-Bāqī, 2001:i).

Oleh sebab itu, bidang morfologi amat bernilai dan besar kedudukannya, Ibn Jinni (1954: 2) ada menyebut dalam kitab *al-Munṣif*:-

التَّصْرِيفُ مَا يَحْتَاجُ إِلَيْهِ أَهْلُ الْعَرَبِيَّةِ أَتَمَّ حَاجَةً وَبِهِمْ إِلَيْهِ أَشَدُّ فَاقَةً لِأَنَّهُ مِيزَانُ الْعَرَبِيَّةِ وَيَبِي
تَعْرِفُ أَصُولَ كَلَامِ الْعَرَبِ مِنَ الزَّوَائِدِ الدَّاخِلَةِ عَلَيْهَا وَلَا يُوصَلُ إِلَى مَعْرِفَةِ الْاِشْتِاقِ إِلَّا بِهِ.

Terjemahannya: Ilmu *tasrif* (fleks) amat diperlukan oleh mereka yang berkecimpung dalam bidang bahasa Arab, kerana ia merupakan bentuk kata (أوزان) perkataan Arab, melaluinya anda dapat mengenal asal-usul perkataan seperti imbuhan yang berlaku dan kita juga tidak dapat mengenal *ishtiqaq* (derivasi) kecuali menguasainya'.

1.2 Pernyataan Masalah

Kitab suci al-Quran amat luas mencakupi pelbagai bidang dari semu aspek iaitu agama, sains, ekonomi, politik, sosial juga termasuk ilmu saraf. Keperluan mengkaji al-Quran oleh sarjana Islam dan bukan Islam kerana ia adalah sesuatu yang unik. Al-Quran telah diwahyukan kepada Nabi Muhammad sejak 1400 tahun dalam Bahasa Arab. Penguasaan dan pemahaman isi kandungan al-Quran perlu dikuasai oleh umat nabi kerana bahasa Arab merupakan *balāghah* al-Quran ('Abd al-Sālim Mukarram, 1978: 45). Oleh itu, bahasa Arab adalah yang terbaik untuk dikaji kerana bahasa al-Quran ini tidak akan luput dan tidak berubah mengikut peredaran masa.

'Ā'ishah Moḥammed Sulayman dalam kajiannya yang bertajuk '*Al-Abniyah al-Ṣarfiyyah Fī al-Ṣuwar al-Madaniyyat Dirāsah Lughawiyyah Dalāliyyah*' menyatakan bahawa kajian dalam bidang ilmu saraf jarang dilakukan kerana sukar untuk merungkai masalah dan perlu perbahasannya. Beliau menyarankan agar kajian perlu dilakukan secara berfokus ('Ā'ishah, 2003: 1). Maka, kajian dalam bidang morfologi termasuk kata kerja dan semantik perlu dijalankan dengan lebih mendalam untuk mendapatkan data yang tepat memandangkan ramai penulis bahasa di Malaysia lebih berminat melakukan kajian dalam bidang sintaksis.

Kajian tatabahasa menjadi fokus utama pengkaji-pengkaji bahasa sejak dahulu hingga sekarang kerana tatabahasa dapat mengawal penggunaan bahasa dalam bentuk asal (Mohd Zaki, 2001). Jelaslah walaupun perubahan dari aspek binaan perkataan dan struktur ayat namun ia masih menepati ciri-ciri asas bahasa tersebut. Oleh yang demikian, isu tentang kata kerja dan perubahan semantik masih boleh dikaji secara mendalam oleh pengkaji-pengkaji lain.

Kajian 'Umar 'Abdullah Simasaba (2007: 340-341) yang bertajuk "*Maṣādir fī al-Thulāthī fī al-Lughah al-'Arabiyyah ladā al-Ṭullāb Mustawā al-Mahārāt al-Lughawiyyah fī al-Markaz al-Lughawī bi al-Jāmi'at al-Islamiyyah*". Kajian ini juga mengkaji tentang ilmu saraf namun tertumpu pada kata terbitan bagi bentuk kata *maṣḍar*. Tujuan kajian ini adalah untuk mengesan dan memastikan adakah pelajar menguasai bentuk kata *maṣḍar*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa banyak

kesalahan dapat dikesan kerana pelajar tidak mempunyai panduan yang jelas sebagai rujukan dalam memahami bentuk kata *maṣḍar*. Ini menunjukkan bahawa pelajar masih lagi lemah dalam memahami bentuk kata *fi'l thulāthī mazīd* kerana hubungan antara derivasi *fi'l* dan *maṣḍar* adalah berkait rapat contohnya *akhraja-yukhriju-ikhrāj (maṣḍar)*. Oleh yang demikian, wajarlah pengkaji memilih untuk mengkaji kata kerja *thulāthī mazīd* dan perubahan semantik bagi memberi kefahaman kepada pelajar konsep kata kerja *thulāthī mazīd* serta perubahan yang berlaku dalam struktur ayat.

Juga dari aspek lain, struktur kata kerja menarik untuk dikaji kerana setiap perubahan pada struktur ayat menyebabkan fungsi dan peranan makna ayat juga berubah. Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji kata kerja *thulāthī mazīd* dan perubahan semantik dalam juzuk pertama surah *al-Baqarah* untuk memperlihatkan kepada para pelajar aliran Arab bagi mengenal pasti perubahan yang berlaku hasil daripada perubahan bentuk kata.

1.3 Kepentingan Kajian

Jika retorik terkenal dengan ilmu yang menggambarkan keindahan makna dan ungkapan yang memukau bergantung pada kefasihan pemilihan kata, manakala kepentingan ilmu saraf pula adalah membina acuan dan pembentukan bentuk kata tersebut. Setiap derivasi dan imbuhan pada setiap kalimah menggambarkan semantik tertentu ditambah dengan nilai fonetik yang berbeza. Situasi ini disedari oleh sarjana Arab, mereka mula menulis dan mengkaji seperti al-Khalīl, Sibawayh, al-Māzinī, Ibn Fāris, al-Suyūṭi dan Ibn Jinnī antara pelopor awal, kemudian diteruskan pula oleh generasi berikutnya seperti Aḥmad Ḥamalāwy pengarang *Syadhā al-'Urf*. Ini disokong oleh kenyataan Ibn Jinnī;

"فالتَّصْرِيفُ إِنَّمَا هُوَ لِمَعْرِفَةِ أَنْفُسِ الْكَلِمَةِ الثَّابِتَةِ وَالنَّحْوُ إِنَّمَا هُوَ لِمَعْرِفَةِ أَحْوَالِهِ الْمُنْتَقِلَةِ... وَإِذَا كَانَ كَذَلِكَ فَقَدْ كَانَ مِنَ الْوَاجِبِ عَلَى مَنْ أَرَادَ مَعْرِفَةَ النَّحْوِ أَنْ يَبْدَأَ بِمَعْرِفَةِ التَّصْرِيفِ؛ لِأَنَّ مَعْرِفَةَ ذَاتِ الشَّيْءِ الثَّابِتَةِ يَنْبَغِي أَنْ يَكُونَ أَصْلًا لِمَعْرِفَةِ حَالِهِ الْمُنْتَقِلَةِ".


Terjemahannya: "fleksī (*al-Taṣrīf*) bertujuan untuk mengenal asas-asas leksikal sesuatu kata, sementara nahu (*sintaksis*) pula untuk mengetahui sesuatu kata yang berubah-ubah...oleh yang demikian, maka menjadi

kewajipan kepada sesiapa yang ingin memahami nahu mesti memahami fleksi terlebih dahulu, kerana memahami teras sesuatu perkara yang jelas sepatutnya menjadi asas untuk memahami keadaannya yang berubah-ubah”.

(Ibn Jinnī. 1954: 2)

Kebanyakan ahli linguistik Arab berpendapat bahawa gejala *al-laḥn* (الَلْحَن) dan campur aduk bahasa selepas tersebarnya Islam kemudian ramai orang yang masuk Islam kalangan bukan Arab, termasuklah juga orang Arab sendiri. Kalangan mereka ini tidak mampu untuk memahami al-Quran. Memandangkan kepentingan ini, perlu ada mekanisma untuk mengembalikan bahasa Arab dalam landasan yang betul bagi memudahkan mereka memahaminya ('Abdullah Simasaba. 2007: 31).

Contoh apa yang berlaku daripada *al-laḥn* ini menyerap masuk dalam bahasa Arab. Ada yang membaca al-Quran sampai tahap kesilapan pada baris seperti membaca baris bawah (الْمَكْسُورُ) yang sepatutnya mesti dibaca dengan baris di hadapan (الْمَرْفُوعُ) contohnya firman Allah ;



أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Terjemahan:...*Bahawa Sesungguhnya Allah dan RasulNya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik; ...*

(Surah. *al-Taubah*: 03)

Setelah mendengar partikel *lām* pada kalimah رَسُولِهِ, dibaca baris di bawah Abū Aswad tergambar yang sepatutnya partikel *lām* di baca baris hadapan رَسُولُهُ kerana dengan bacaan *jar*- baris bawah- kalimah رَسُولِهِ memberi maksud: "*Bahawa sesungguhnya Allah berlepas diri dari RasulNya*". Sementara dengan *marfū'ī* - baris depan- bermaksud: "*Bahawa sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya berlepas diri dari orang-orang musyrikin*". (Simasaba, 2007: 32).

Selain itu, ahli linguistik Arab menekankan betapa pentingnya ilmu saraf antaranya pendapat yang diutarakan oleh al-Suyūṭī yang mengatakan bahawa: Adapun ilmu *taṣrīf* (saraf) sesiapa yang tidak menguasainya maka seseorang itu

akan mengalami kerugian yang besar. Contohnya perkataan وَجَدَ membawa pengertian yang tidak jelas (المُبْهَم) apabila ditafsirkan baru dapat difahami seperti dalam ayat berikut :

في المال :وُجِدًا وفي الصَّالَةِ :وُجِدَانًا ،وفي القَصَبِ :مَوْجِدَة،وفي الخُزْنِ :وَجْدًا ،كما يقال:
القَاسِطُ لِلْجَائِرِ،والمُقْسِطُ لِلْعَادِلِ

Terjemahannya: *Dalam bab memiliki harta digunakan perkataan wuj, dalam perihal sesat berkaitan akidah disebut wijdan dan, jika perihal berkaitan kemarahan (emosi) digunakan perkataan maujidah, sementara bab kesedihan(emosi) wajd. Sama juga pada derivasi kata nama pelaku tiga huruf asal atas bentuk kata fā'il القَاسِطُ bermaksud orang yang zalim, sementara bentuk kata muf'il المُقْسِطُ juga kata nama pelaku tiga huruf asal yang ada imbuhan awalan satu partikel -hamzah- bermaksud orang yang adil dan begitulah seterusnya.*

(al-Suyūṭī, 1986: 330)

Kepentingan kajian ini untuk menganalisis dan menjelaskan tentang perubahan semantik *fi'l thulāthī mazīd* (kata kerja imbuhan trilateral) yang diguna pakai dalam juzuk pertama surah *al-Baqarah* serta perubahan makna yang berlaku dalam struktur ayat. Terdapat golongan masyarakat terutama pelajar sekolah aliran agama atau Arab, penuntut universiti dan individu mereka tidak pasti atau kurang jelas untuk memahami perkara yang berkaitan dengan akidah dan syariat Islam sewaktu mengulangkaji atau semasa menulis karangan terutamanya berkaitan dengan nas al-Quran.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan menambahkan kemahiran golongan sasaran dengan mengemukakan pelbagai sampel dan contoh bentuk kata (*wazan*) *fi'l* (kata kerja) tersebut difokuskan dalam juzuk pertama surah *al-Baqarah* agar mereka mampu membanding beza perubahan bagi setiap bentuk kata dan maksud. Oleh itu, pengkaji memilih untuk membuat kajian tentang disiplin ilmu saraf dengan menfokuskan kepada *Fi'l Thulāthī Mazīd dan Perubahan Semantik: Satu Kajian dalam Juzuk Pertama Surah al-Baqarah*.